

NO. SOALAN: 81

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

TARIKH : 27 MEI 2015

RUJUKAN : 7908

SOALAN:

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) apakah pendirian Kerajaan terhadap gerakan Sabah Sarawak Keluar Malaysia (SSKM) dan sejauh manakah gerakan ini mempunyai sokongan di negeri Sabah dan Sarawak; dan
- (b) bilangan orang yang telah ditahan dan didakwa di dalam gerakan Sabah Sarawak Keluar Malaysia (SSKM) setakat ini dan apakah tindakan tegas yang boleh diambil kepada mereka yang terlibat dalam usaha memisahkan Sabah dan Sarawak keluar dari Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), pendirian Kerajaan amat jelas berhubung isu gerakan Sabah Sarawak Keluar Malaysia (SSKM) di mana ianya bertentangan dengan perundangan dan Kerajaan akan mengambil tindakan tegas berlandaskan undang-undang sedia ada. Tindakan ini adalah bertentangan dengan Perkara 7 Perjanjian Malaysia 1963 yang mana menyatakan tiada mana-mana negeri di dalam Persekutuan Malaysia mempunyai hak untuk keluar daripada Persekutuan.

Walau bagaimanapun, gerakan ini juga bukanlah mewakili suara keseluruhan rakyat Sabah dan Sarawak kerana ia hanya melibatkan sebahagian kecil kumpulan tertentu yang bertindak untuk kepentingan peribadi mereka. Namun, sekiranya gerakan menghasut ini tidak dibendung ianya mampu untuk mengganggu gugat keselamatan negara dan keharmonian yang dinikmati selama ini.